

12 DEC 2002

Raya-Persiapan

MAKANAN RUMAH TERBUKA AIDILFITRI DIJAMIN MENCUKUPI

ALOR STAR, 18 Dis (Bernama) -- Para hadirin rumah terbuka Aidilfitri peringkat kebangsaan Sabtu ini diberi jaminan bahawa makanan yang disediakan adalah mencukupi, kata Penasihat Acara kepada Jawatankuasa Induk Rumah Terbuka Aidilfitri, Datuk Tengku Alaudin Tengku Majid.

Beliau berkata tiga agensi - Fama, Mas Catering dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) - yang diberi tanggungjawab sebagai pengurus makanan, telah membuat persediaan dan perancangan awal bagi menjamin setiap hadirin dapat menikmati juadah yang disajikan.

Pelbagai jenis makanan tradisional Melayu seperti ketupat, lemang, nasi himpit dan kuah kacang, laksa, buah-buahan dan beberapa jenis kuih-muih disediakan pada majlis itu, katanya kepada pemberita sebelum menghadiri mesyuarat jawatankuasa induk majlis berkenaan di Wisma Darul Aman di sini hari ini.

Tengku Alauddin berkata bersandarkan pengalaman menganjurkan 14 rumah terbuka sebelum ini, beliau yakin semua tetamu akan dapat menikmati juadah yang disediakan.

Seramai 100,000 orang, termasuk 10,000 tetamu dari Thailand yang diketuai Perdana Menteri Thaksin Shinawatra dan menteri kabinet negara itu, dijangka hadir pada majlis berkenaan yang berlangsung di Taman Tasik Bandar Darulaman, Jitra mulai pukul 6 petang.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed putra Jamalullai, Sultan Kedah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri kabinet akan turut hadir pada majlis itu.

Tengku Alaudin yang juga bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan berkata selain menyediakan 12 khemah bagi memudahkan orang ramai yang hadir mengambil makanan yang disediakan secara bufet, penganjur turut menyediakan kemudahan tandas bergerak di kawasan itu.

Sementara itu, kenderaan berat tidak dibenarkan masuk melalui Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) bermula dari Simpang Sintok hingga ke Plaza Tol Alor Star Selatan mulai pukul 3.00 petang pada hari berkenaan.

Menurut Pegawai Pentadbiran Trafik/Kempen Polis Kedah, ASP Sadriyah Mohd Saad kenderaan berat tidak dibenarkan melalui lebuhraya tersebut hingga selesai majlis bagi mengelak kesesakan lalulintas.

Katanya kenderaan berat dari arah Utara menuju ke selatan, dikehendaki keluar dari Simpang Sintok manakala kenderaan dari Selatan pula dikehendaki keluar di Plaza Tol Alor Star Selatan.

Menurutnya 300 anggota trafik akan bertugas di tempat yang ditetapkan bagi menjamin kelancaran lalulintas di sepanjang majlis berlangsung.

"Beberapa tempat letak kereta secara percuma disediakan bagi kemudahan orang ramai yang ingin bertandang ke majlis itu dan hanya kenderaan yang mempunyai pelekot khas dibenarkan masuk hingga ke Taman Tema," katanya.

Tempat letak kereta awam yang disediakan terletak di Sekolah Menengah Tanjung Pauh, Sekolah Menengah Bandar Darul Aman, tapak pasar malam pekan Tanah Merah, Dewan Jitra, Pekan Cina di Jalan Osman Aroff, dekat sini.

Sadriyah berkata perkhidmatan bas disediakan di semua tempat letak kereta awam untuk ke lokasi majlis dengan kekerapan 40 minit.

Katanya sebanyak 70 buah bas yang membawa jemputan dari Thailand akan ditempatkan di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Politeknik Sultan Muadzam Shah (Polimas), Institut Perguruan Darul Aman (IPDA) dan kawasan

lapang lain.

-- BERNAMA

IAW FIZ MNH FMF MZM LAT